

SISTEM E-DUTI SETEM KINI BOLEH DIAKSES LEBIH AWAL MELALUI PORTAL MYTAX MULAI 17 DISEMBER 2025

Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) akan dilaksanakan secara berfasa mulai 1 Januari 2026 sebagai langkah pembaharuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan duti setem serta menggalakkan pematuhan secara sukarela. Seiring dengan pelaksanaan ini, **sistem STAMPS sedia ada akan ditamatkan sepenuhnya pada 31 Disember 2025, dan semua urusan penyeteman akan dimigrasikan ke sistem e-Duti Setem bermula 1 Januari 2026.**

Sebagai persediaan kepada peralihan ini, **sistem e-Duti Setem kini boleh diakses lebih awal melalui portal MyTax mulai 17 Disember 2025.** Pengguna STAMPS sedia ada dibenarkan untuk log masuk ke portal MyTax menggunakan ID dan kata laluan individu MyTax. Ini memberi ruang kepada pembayar duti dan ejen yang dilantik membuat pengujian dan persediaan sebelum sistem STAMPS sedia ada ditamatkan sepenuhnya pada 31 Disember 2025. Langkah akses awal ini bertujuan memastikan proses peralihan ke sistem e-Duti Setem dapat dilaksanakan secara lancar, teratur dan berpusat.

STSDS akan dilaksanakan **secara berfasa** mulai **1 Januari 2026** seperti ketetapan berikut:

Fasa	Tarikh Pelaksanaan	Jenis Surat cara
Fasa 1	1 Januari 2026	Sewa / Pajakan, Sekuriti dan Penyeteman Am
Fasa 2	1 Januari 2027	Pindah Milik Harta Tanah (tidak melibatkan penilaian JPPH)
Fasa 3	1 Januari 2028	Selain daripada kategori surat cara dalam Fasa 1 dan 2

STSDS membolehkan pembayar duti atau ejen yang dilantik menaksir duti setem secara sendiri berdasarkan surat cara tertentu dan pengiraan duti secara masa nyata akan dibuat berdasarkan peruntukan dalam Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Permohonan penyeteman surat cara yang tertakluk kepada peremitan dan pengecualian akan ditaksir secara formal oleh Pemungut Duti Setem.

Mulai 1 Januari 2026, semua pembayar duti atau ejen hendaklah mengakses perkhidmatan Duti Setem melalui portal **MyTax** di **MyTax > Perkhidmatan ezHasil > Duti Setem > e-Duti Setem**.

Sebagai maklumat tambahan, pengguna STAMPS boleh mendapatkan maklumat lanjut serta rujukan berkaitan STSDS melalui langkah mudah berikut:

- Layari portal HASiL di www.hasil.gov.my;
- Klik Menu **Perkhidmatan > Duti Setem > Sistem Taksir Sendiri**.

Dengan pelaksanaan STSDS, pembayar duti atau ejen yang dilantik perlu melaksanakan tindakan berikut:

- i. Log masuk ke MyTax dengan memilih jenis pengenalan dan masukkan kata laluan. Sekiranya tiada Nombor Pengenalan Cukai (TIN), permohonan boleh dikemukakan melalui pendaftaran nombor TIN melalui pautan e-Daftar di Portal MyTax;
- ii. Pilih **Menu Perkhidmatan ezHasil > Duti Setem > e-Duti Setem. Pilih peranan e-Duti Setem** yang bersesuaian;
- iii. Pilih jenis Borang Nyata Duti Setem (BNDS) dan isi maklumat berkaitan. Lampirkan surat cara yang hendak disetamkan. Kadar duti setem ditentukan secara masa nyata berdasarkan maklumat dalam BNDS;
- iv. Kemukakan BNDS dan surat cara yang hendak disetamkan dalam tempoh ditetapkan.
 - a. Bagi pelaksanaan fasa pertama STSDS, pengemukakan BNDS akan disifatkan telah ditaksir oleh Pemungut Duti Setem pada tarikh BNDS tersebut dikemukakan;
 - b. Manakala, bagi taksiran secara formal selain fasa pertama STSDS, permohonan akan diproses oleh Pemungut Duti Setem dan notis taksiran akan dikeluarkan seperti sedia ada;
- v. Membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan;
- vi. Sijil Duti Setem akan dijana untuk disimpan atau dicetak selepas pengesahan penerimaan bayaran oleh HASiL. Sijil tersebut perlu dilampirkan bersama dengan surat cara berkaitan untuk tujuan rekod dan

simpanan pembayar duti sebagai bukti penyeteman telah disempurnakan;
dan

- vii. Menyimpan surat cara dan semua rekod berkaitan surat cara yang telah disetamkan dalam tempoh 7 tahun.

HASiL komited untuk membantu pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih mudah, telus dan efisien. Justeru, pengguna STAMPS dinasihatkan untuk membuat persediaan awal dan membuat semakan dengan log masuk ke portal MyTax supaya urusan penyeteman berjalan lancar.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) HASiL Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE *BEYOND* LIMITS

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 17 Disember 2025